



PEJABAT PERDANA MENTERI
UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA

Aras 4, Setia Perkasa 5,
Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Wilayah Persekutuan Putrajaya, Malaysia
No. Tel: 03-8886 6221
E-mel: infomitra.mitra.gov.my

42

MITRA. 100-9/1/1 (37)

**KENYATAAN MEDIA
PROGRAM PELABURAN DAN KARNIVAL SAHAM MITRA
TAHUN 2024/2025**

PUTRAJAYA, 6 DISEMBER 2025 – Sejalan dengan aspirasi Kerajaan dan YAB Perdana Menteri, Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) telah menaja Program Pelaburan dan Karnival Saham bagi tahun 2024/25 dengan kerjasama Bursa Malaysia Berhad sebagai salah satu usaha dalam menaik taraf sosio-ekonomi Masyarakat India dalam pegangan ekuiti melalui pelaburan saham. Kerjasama ini juga bertujuan untuk memberi pendedahan tentang dunia pelaburan yang selamat dan untuk memastikan masyarakat tidak terjerumus dalam skim penipuan yang semakin berleluasa.

Karnival Saham merupakan sebuah inisiatif interaktif yang dianjurkan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat berkenaan literasi kewangan, strategi pelaburan, pasaran saham dan penipuan kewangan (*scam*). Acara pada hari ini juga menghimpunkan reruai agensi kerajaan seperti Bursa Malaysia Berhad, PERKESO, AKPK, Yayasan Kebajikan Negara (YKN) dan agensi-agensi lain.

Sesi ceramah dari pakar-pakar agensi pelaburan telah diatur untuk mendedahkan para pengunjung berkenaan isu-isu terkini dalam industri kewangan. Para pengunjung juga berpeluang memenangi cabutan

bertuah yang telah disediakan oleh pihak penganjur. Dengan bimbingan daripada pakar pelaburan, para peserta dapat menimba ilmu dan membina keyakinan dengan melibatkan diri dalam pelaburan saham.

Lebih 2000 orang telah menghadiri tiga siri ini. **Susulan pelaksanaan program saham ini, data pihak Bursa menunjukkan peratusan penyertaan kaum India dalam pembukaan akaun Central Depository System atau CDS telah meningkat kepada 6.6%.** Tahniah kepada pihak Bursa dan MITRA atas kejayaan ini.

Penglibatan masyarakat India dalam pasaran saham secara tidak langsung akan meningkatkan pemilikan equiti di kalangan masyarakat india. Karnival sebegini juga akan dijalankan secara berperingkat di negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, dan Pulau Pinang yang dijangka memberi manfaat kepada lebih 5000 masyarakat Malaysia India.

Pihak MITRA dengan kerjasama Bursa Malaysia juga menganjurkan *Malaysian Indian Investment Programme* (MIIP) yang merupakan inisiatif dengan tujuan untuk memperkasa golongan belia India dengan latihan kemahiran pelaburan saham. Lebih 500 peserta telah mendapat manfaat dari program ini dan salah satu ciri utama dalam program berfokus ini ialah untuk memastikan seramai 150 peserta akan diberikan penempatan pekerjaan dalam sektor pelaburan kewangan.

Maklumat mengenai karnival dinegeri-negeri lain akan dimaklumkan melalui media sosial rasmi MITRA. Sila ikuti laman Facebook rasmi MITRA di <https://www.facebook.com/mitrajpmofficial/> untuk mendapatkan maklumat terkini.

Sebarang pertanyaan berkenaan Karnival Saham dan MIIP 2024/25 boleh menghubungi MITRA atau Bursa melalui talian 03-88711180 atau 03-20347401 bermula dari jam 8.30 pagi sehingga 5.30 petang pada hari bekerja atau emel kepada sek@mitra.gov.my atau ravikumar@bursamalaysia.com.

-TAMAT-

**UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA
PEJABAT PERDANA MENTERI
4 DISEMBER 2025**